

# Tiga perkara utama perlu dilihat sebelum laksana subsidi bersasar

## Saranan ahli ekonomi, pakar perburuhan agar tiada golongan tercicir bantuan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan disyorkan memastikan sistem kebajikan dan bantuan sosial negara diperkuuh dan terangkum sebelum mengambil langkah melaksanakan subsidi secara bersasar.

Ahli ekonomi dan pakar perburuhan berpendapat, ia antara tiga perkara utama yang perlu dilihat dalam menentukan masa terbaik untuk memperkenalkan rasionalisasi subsidi agar mereka yang terkesan dapat dibantu tanpa ada mana-mana pihak yang tertinggal.

Ketua Ekonomi Pasaran Buruh di Kementerian Sumber Manusia dan Emiratisasi Emiriah Arab Bersatu (UAE), Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari, berkata perkara kedua yang perlu diambil

kira ialah melihat kepada ambang pendapatan rakyat terutama mereka bergaji rendah dan sederhana.

"Pendapatan mereka ini perlu melepas tahap yang membolehkan mereka bertahan dalam keadaan ekonomi di mana kos sara hidup yang tinggi.

"Jika berlaku peningkatan harga bahan api apabila subsidi dikurangkan, mereka bukan sahaja terkesan akibat peningkatan harga bahan api, malah harga barang lain turut meningkat kerana bahan api digunakan dalam proses pengeluaran," katanya kepada BH, semalam.

Beliau diminta mengulas kebenaran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin bahawa subsidi bersasar bukan untuk menghukum rakyat miskin dan ia hanya akan dilaksanakan apabila kerajaan sudah bersedia sepenuhnya.

Dr Mohd Yusof adalah bekas pensyarah kanan di Jabatan Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan penerima Anugerah Akademik Negara 2017.

Beliau pernah terbabit dalam 14 projek penyelidikan dan 16 projek perundingan, termasuk Perbadanan Kuasa Nuklear Malaysia

(MNPC), Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

### Persekutaran ekonomi terkawal

Dr Mohd Yusof menambah, perkara ketiga ialah memastikan persekitaran ekonomi perlu kondusif dan terkawal dengan salah satu indikator utama ketika ini adalah prestasi ringgit.

"Sekiranya ringgit tidak mengukuh dan terus berada di paras melepas RM4 bagi setiap dolar Amerika Syarikat, ini akan memberi tekanan kos pengeluaran dan harga barang.

"Ini tiada kaitan dengan subsidi, namun sekiranya subsidi dikurangkan dengan ringgit yang lemah, kesan berganda akan dirasai rakyat," katanya.

Beliau turut menekankan langkah pengurusan subsidi juga perlu dilakukan berperingkat berbanding pemotongan mengejut.

Katanya, ia bagi membolehkan masyarakat dan perniagaan menyesuaikan diri dengan perubahan dan mengurangkan seba-

rang 'kejutan tiba-tiba' kepada ekonomi.

"Jangan lakukan secara mendadak, beri tempoh masa sesuai supaya pengguna dan pemain industri bersedia sepenuhnya.

"Lakukan secara berperingkat dan dalam tempoh masa yang wajar supaya impak kepada rakyat dapat dikurangkan.

"Gunakan pendekatan *Behavioral Insight* (pendekatan inklusif bagi gubal dasar), untuk menilai situasi kerana isu subsidi adalah isu sensitif, justeru, komunikasi dan strategi kerajaan perlu bijak," katanya.

Dr Mohd Yusof juga menekankan ketulusan subsidi perlu dipertingkatkan bagi membantu orang ramai memahami ke mana subsidi itu pergi dan siapa yang mendapat manfaat daripadanya.

Katanya, perkara itu boleh membantu kerajaan memperoleh sokongan awam untuk usaha pemurnian subsidi.

"Kerajaan juga boleh melaksanakan pelan diversifikasi program subsidi sebagai gantian kepada kebergantungan satu jenis

subsidi, contohnya bahan bakar.

"Kepelbagaiannya program subsidi akan menutup pelbagai keperluan seperti subsidi makanan, kesihatan, pendidikan atau perumahan. Ini boleh membantu memastikan keperluan asas masih terpenuhi sementara mengurangkan beban subsidi secara keseluruhan," katanya.

Bagi Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, subsidi sedia ada, terutama bahan api banyak beri manfaat kepada golongan berpendapatan tinggi.

Katanya, mereka yang berpendapatan tinggi banyak menggunakan kendaraan mewah dan merakalah yang banyak menggunakan bahan api berbanding kendaraan digunakan golongan berpendapatan rendah yang kapasiti enjinnya adalah kecil.

"Justeru, perkara ini adalah suatu bentuk ketirisan perlu diperbaiki supaya subsidi diberikan adil dan menepati golongan sasaran," katanya.

Berdasarkan laporan Ketua Audit Negara, subsidi pada 2022 berjumlah RM55 bilion, di mana 82 peratus daripadanya diperuntukkan bagi menampung subsidi bahan api seperti RON95, diesel dan gas petroleum cecair (LPG).



Mohd Afzanizam